

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 12 Julai 2021



KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
MEI 2021

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat ketara sebanyak 26.0 peratus pada Mei 2021

PUTRAJAYA, 12 JULAI 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP), MALAYSIA, MEI 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor utama; Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.


Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) melonjak **26.0 peratus** pada bulan Mei 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan IPP pada bulan Mei 2021 disokong oleh pengembangan dalam kesemua indeks; indeks Pembuatan (**29.8%**), indeks Perlombongan (**20.7%**) dan indeks Elektrik (**7.9%**).”

Output sektor Pembuatan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun meningkat **29.8 peratus** pada bulan Mei 2021 selepas mencatatkan pertumbuhan 68.0 peratus pada bulan April 2021. Subsektor utama yang menyumbang kepada kenaikan sektor Pembuatan pada bulan Mei 2021 adalah Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (**34.8%**), Produk Mineral Bukan Logam, Logam Asas & Produk Logam yang Direka (**49.4%**) dan Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (**68.9%**). Industri berorientasikan eksport menyumbang kepada pertumbuhan sektor Pembuatan sebanyak **25.3 peratus** manakala industri berorientasikan domestik meningkat **41.1 peratus**.

Output sektor Perlombongan tumbuh **20.7 peratus** pada bulan Mei 2021 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Kenaikan tersebut disebabkan oleh peningkatan dalam indeks Gas Asli (**30.9%**) dan indeks Minyak Mentah & Kondensat (**8.6%**). Output sektor Elektrik meningkat **7.9 peratus** pada bulan Mei 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

CARTA 1 : PRESTASI INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MEI 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 JULAI 2021**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 12 July 2021



MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION, MALAYSIA
MAY 2021

Malaysia's Industrial Production Index (IPI) surged 26.0 per cent in May 2021

PUTRAJAYA, 12 JULY 2021 – The Department of Statistics Malaysia, today released **INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX (IPI), MALAYSIA, MAY 2021**. This publication presents statistics on IPI which consists of three main sectors; Mining, Manufacturing and Electricity.


Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said “The Industrial Production Index (IPI) surged **26.0 per cent** in May 2021 as compared to the same month of the previous year. The growth of IPI in May 2021 was underpinned by the expansion in all indices; Manufacturing index (**29.8%**), Mining index (**20.7%**) and Electricity index (**7.9%**).”

The Manufacturing sector output based on year-on-year comparison rose by **29.8 per cent** in May 2021 after recording a growth of 68.0 per cent in April 2021. The major sub-sectors contributing to the growth in Manufacturing sector in May 2021 were Petroleum, Chemical, Rubber & Plastic Products (**34.8%**), Non-metallic Mineral Products, Basic Metal & Fabricated Metal Products (**49.4%**) and Transport Equipment & Other Manufactures (**68.9%**). The export-oriented industries driven the growth of the Manufacturing sector by **25.3 per cent** while domestic-oriented industries increased by **41.1 per cent..**

The Mining sector output grew **20.7 per cent** in May 2021 as compared to the same period of the previous year. The expansion was attributed by the increase in Natural Gas index (**30.9%**) and Crude Oil & Condensate index (**8.6%**). The Electricity sector output expanded **7.9 per cent** in May 2021 as compared to the same month of the previous year.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

CHART 1 : PERFORMANCE OF INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX MAY 2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

12 JULY 2021